

Lepasan Ijazah (Diploma & Sarjana).

Bagi memeriahkan sambutan konvokesyen ini, pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar UUM telah mengatur pelbagai aktiviti termasuk gerai jualan, pameran, pertandingan, persembahan daripada Pasukan Akrobatik Motosikal Wira Merah dari Kor Polis dan Tentera Diraja.

Manakala, kalangan artis yang akan menjayakan konvokesyen kali ini juga akan mencatat sejarah kerana terdiri daripada kalangan Pelajar Luar Kampus (PLK) UUM sendiri iaitu Tomok, Shahir, Zahid, Didie, Hazama, Faris, Yasin, Kumpulan Nasyid Firdaus dan Kumpulan May.

Terdahulu Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Rosna Awang, Timbalan Naib Canselor (Penyeldikan dan Inovasi) Prof Dr. Abdul Razak Salleh dan Pengarah Jabatan Canselori, Baharudin Yaacob mengadap Tuanku Sultan Kedah Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Anak Bukit Alor Star mengenai Konvokesyen ke-23 UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT